

Bil. S 42

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

- | | |
|--|---|
| Gelaran. | 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Penyalahgunaan Dadah) (Pindaan), 1998. |
| Pindaan bab 15 dari Penggal 27. | <p>2. Bab 15 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda –</p> <ul style="list-style-type: none">(a) dengan memotong "atau" dari penghujung perenggan (e) ;(b) dengan menggantikan koma dengan koma bernoktah pada penghujung perenggan (f) dan dengan menambah sejurus selepasnya dua perenggan baru yang berikut –<ul style="list-style-type: none">“(g) 20 gram methyldamphetamine ; atau(h) 2 gram dari mana-mana yang berikut atau sebarang gabungan yang berikut –<ul style="list-style-type: none">(i) N, α-dimethyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (MDMA) ;(ii) α-methyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (MDA) ;(iii) N-ethyl-α-methyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (N-ethyl MDA atau MDEA) ; atau(iv) N-methyl-α-ethyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (MBDB),”. |
| Pemasukan bab 20A baru. | <p>3. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 20 bab 20A baru yang berikut –</p> <p>“Keterangan ejen provokasi boleh diterima.</p> <p>20A. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang rukun undang-undang, peruntukan-peruntukan Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, tiada ejen provokasi boleh dianggap sebagai tidak boleh</p> |

dipercayai hanya kerana dia telah bersubahat atau cuba bersubahat melakukan suatu kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini jika persubahatan atau percubaan untuk bersubahat itu adalah semata-mata bagi tujuan mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang rukun undang-undang, peruntukan-peruntukan Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dan bahawa ejen provokasi itu adalah seorang pegawai Biro, seorang pegawai polis (apapun pangkatnya) atau mana-mana pegawai kastam, sebarang pernyataan, sama ada secara lisan atau bertulis yang dibuat kepada seseorang ejen provokasi oleh mana-mana orang yang kemudiannya dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya."

4. Jadual Pertama kepada Akta tersebut adalah dipinda –

Pindaan Jadual
Pertama.

(a) dalam perenggan 1 Bahagian I, dengan memasukkan –

(i) "4-bromo-2, 5-dimethoxyphenethylamine" sejurus selepas "Bezitramide" ;

(ii) "N, α -dimethyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (MDMA)
N-ethyl- α -methyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (N-ethyl MDA atau MDEA)
N-methyl- α -ethyl-3, 4-(methylenedioxy) phenethylamine (MBDB)"
sejurus selepas "N, N-Dimethyltryptamine" ;

(iii) "Methylamphetamine" sejurus selepas "Methadyl acetate" ;

(b) dalam perenggan 1 Bahagian II, dengan memotong "Methylamphetamine".

5. Jadual Kedua kepada Akta tersebut adalah dipinda –

Pindaan Jadual
Kedua.

(a) dengan memasukkan, sejurus di bawah butiran yang berkaitan dengan "memperdagangkan damar kanabis tanpa kebenaran" dari bab 3 dalam ruang pertama, butiran berikut dalam ruang-ruang yang bersesuaian sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini –

Memperdagangkan
methyamphetamine
tanpa kebenaran, jika
banyaknya –

(a)	tidak kurang dari 50 gram dan tidak lebih dari 200 gram	– – – –	Paling tinggi 30 tahun dan sebat 15 kali Paling rendah 20 tahun dan sebat 15 kali	–
-----	---	---------	--	---

(b)	lebih dari 200 gram	– – – –	Mati	–
-----	---------------------	---------	------	---

Memperdagangkan
dadah terkawal tanpa
kebenaran yang
mengandungi
methylenedioxy-
methamphetamine
(MDMA) sebanyak –

(a)	tidak kurang dari 10 gram dan tidak lebih dari 15 gram	– – – –	Paling tinggi 30 tahun dan sebat 15 kali Paling rendah 20 tahun dan sebat 15 kali	–
-----	--	---------	--	---

(b)	lebih dari 15 gram	– – – –	Mati	–'' ;
-----	--------------------	---------	------	-------

- (b) dengan memasukkan, sejurus di bawah butiran yang berkaitan dengan ''memiliki dadah terkawal tanpa kebenaran bagi maksud memperdagangkannya, yang mengandungi damar kanabis sebanyak'' dari bab 3A dalam ruang pertama, butiran berikut dalam ruang-ruang yang bersesuaian sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini –

''Memiliki dadah
terkawal tanpa
kebenaran bagi
maksud memper-
dagangkannya, yang
mengandungi
methyamphetamine
sebanyak –

- | | | | | |
|-----|---|---------|--|---|
| (a) | tidak kurang dari
90 gram dan tidak
lebih dari 250 gram | - - - - | Paling tinggi
30 tahun dan
sebat 15 kali
Paling rendah
20 tahun dan
sebat 15 kali | - |
| (b) | lebih dari 250 gram | - - - - | Mati | - |
- Memiliki dadah
terkawal tanpa
kebenaran bagi
maksud memper-
dagangkannya, yang
mengandungi
methylenedioxy-
methamphetamine
(MDMA) sebanyak -
- | | | | | |
|-----|--|---------|--|-------|
| (a) | tidak kurang dari
20 gram dan tidak
lebih dari 30 gram | - - - - | Paling tinggi
30 tahun dan
sebat 15 kali
Paling rendah
20 tahun dan
sebat 15 kali | - |
| (b) | lebih dari 30 gram | - - - - | Mati | -'' ; |
- (c) dengan memasukkan, sejurus di bawah butiran yang berkaitan dengan "mengilang kokain atau sebarang garam kokain tanpa kebenaran" dari bab 4 dalam ruang pertama, butiran berikut dalam ruang-ruang yang bersesuaian sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini -
- | | | | |
|--|---------|------|-------|
| "Mengilang
methyamphetamine
tanpa kebenaran | - - - - | Mati | - |
| Mengilang
methylenedioxy-
methamphetamine
(MDMA) tanpa
kebenaran | - - - - | Mati | -'' ; |
- (d) dengan memasukkan, sejurus di bawah butiran yang berkaitan dengan "mengimport atau mengeksport damar kanabis tanpa

kebenaran" dari bab 5 dalam ruang pertama, butiran berikut dalam ruang-ruang yang bersesuaian sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini –

"Mengimport atau mengeksport methylamphetamine tanpa kebenaran, jika banyaknya –

(a)	tidak kurang dari 50 gram dan tidak lebih dari 200 gram	– – – –	Paling tinggi 30 tahun dan sebat 15 kali Paling rendah 20 tahun dan sebat 15 kali	–
-----	---	---------	--	---

(b)	lebih dari 200 gram	– – – –	Mati	–
-----	---------------------	---------	------	---

Mengimport atau mengeksport dadah terkawal tanpa kebenaran, yang mengandungi methylenedioxy-methamphetamine [MDMA] sebanyak –

(a)	tidak kurang dari 10 gram dan tidak lebih dari 15 gram	– – – –	Paling tinggi 30 tahun dan sebat 15 kali Paling rendah 20 tahun dan sebat 15 kali	–
-----	--	---------	--	---

(b)	lebih dari 15 gram	– – – –	Mati	–".
-----	--------------------	---------	------	-----

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Syaaban Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 23 haribulan November, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM